

09/08/2003

Pusat tidak pernah abai Sabah, Sarawak

Lichong Angkui; Amirullah Andi Nur; Mohd Azrone Sarabatin

PENAMPANG: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Kerajaan Pusat tidak pernah mengabaikan Sabah dan Sarawak dalam bidang pembangunan, sebaliknya kedua-dua negeri itu mendapat peruntukan lebih besar berbanding negeri di Semenanjung.

"Kita tidak pernah abaikan Sabah mahupun Sarawak, biarpun jauh dari Kuala Lumpur serta terpisah dengan lautan, kita selalu beri perhatian kepada kedua-dua negeri ini. Sabah adalah kedua terbesar (peruntukan) dan terbesar ialah Sarawak.

"Sedikit demi sedikit pembangunan dipertingkatkan dan kini tidak banyak perbezaan antara Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung," kata Perdana Menteri ketika merasmikan Kongres Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Murut Bersatu (Upko) ke-9 di Pusat Kebudayaan Sabah di sini, semalam.

Hadir sama, Pengerusi BN Sabah merangkap Ketua Menteri, Datuk Musa Aman dan Presiden Upko merangkap Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Dompok.

Dr Mahathir berkata, kerajaan Barisan Nasional (BN) memerlukan majoriti yang besar dalam pilihan raya akan datang bagi memastikan tumpuan dapat diberi sepenuhnya terhadap proses pembangunan.

Beliau berkata, kegagalan mendapat sokongan seperti itu akan menyebabkan kerajaan lemah, sekali gus menyebabkan tumpuan beralih kepada politik semata-mata.

Dr Mahathir turut mengingatkan perlunya sesuatu kaum menyokong kaum lain, di samping mewujudkan kerjasama yang rapat selaras dengan budaya yang diamalkan BN.

Katanya, pada setiap pilihan raya, pemilihan calon tidak dibuat berdasarkan kriteria seperti calon itu mesti daripada kalangan pihak tertentu atau seagama.

"Dalam pilihan raya, kalau nak orang kita saja, orang seagama kita saja, jumlah mereka tidak cukup beri kemenangan kepada kita dan ini menyebabkan kerajaan lemah dan tidak dapat majoriti cukup," katanya.

Dalam pada itu, Dr Mahathir percaya Upko akan kekal sebagai satu daripada komponen BN mewakili Kadazandusun serta kaum lain di negeri ini.

Beliau juga menaruh keyakinan parti berkenaan mampu untuk terus berjuang dalam menentukan masa depan Kadazandusun dan kaum lain kekal terpelihara di negara ini.

"Saya yakin dengan sokongan yang diberi kepada Upko, parti ini akan terus maju dan sudah tentu Kadazandusun juga akan maju bersama," katanya.

Dr Mahathir berharap penduduk negeri ini khususnya masyarakat Kadazandusun akan memberi sokongan tidak berbelah kepada Upko bagi memastikan ia dapat terus memainkan peranan.

Sambil mengucapkan tahniah atas kejayaan Dompok mengembangkan pengaruh parti itu di Sabah, beliau gembira kerana Upko tidak menghalang kaum lain untuk menyertainya sesuai dengan semangat BN.

"Saya sungguh berbangga dengan kejayaan Upko dan sokongan yang diberi. Saya percaya perhimpunan hari ini menggambarkan sokongan jitu kepada Upko.

"Percayalah sokongan ini akan membawa manfaat kepada kita semua, rakyat Sabah, Upko dan Malaysia keseluruhannya, inilah semangat BN," katanya.

Dr Mahathir juga memberi jaminan bahawa Kerajaan Pusat mahukan parti itu terus diwakili dalam Kabinet Persekutuan.

Beliau meminta penduduk negeri ini, khususnya masyarakat Kadazandusun supaya memberi kemenangan kepada parti itu dalam pilihan raya akan datang.

"Kita kena bagi kemenangan kepada Upko kerana kita tidak boleh berharap kepada jawatan senator, hanya enam tahun, tetapi kalau wakil rakyat lama sedikit," katanya.

Pada sidang media sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur pula, Dr Mahathir yang ditanya mengenai pilihan raya Sabah, berkata beliau menyerahkannya kepada penggantinya untuk menentukan bila masa yang sesuai.

Beliau bagaimanapun mengakui kini waktu terbaik untuk mengadakan pilihan raya kerana perpaduan dalam BN Sabah begitu baik.

"Ya, saya fikir demikian tapi saya tak tahu bila (pilihan raya Sabah diadakan)... saya serahkan kepada pengganti saya," katanya.

Ditanya apakah tidak ada pilihan raya Sabah sehingga persaraannya pada Oktober ini, beliau menjawab: "Tak tahu... terpulang pengganti saya bila nak buat."

Kepada soalan lain bahawa kemenangan besar BN di Sabah dalam pilihan raya negeri kali ini bakal menjadi hadiah sempena persaraannya, Dr Mahathir berkata:

"Alhamdulillah... kalau dia bagi hadiah macam itu. Kalau (saya) lepas bersara pun, saya okay."